

Guna saluran betul sampaikan kritikan

Utusan Malaysia 20/4/2011 26



SEBAHAGIAN pelajar yang hadir pada Hari Bertemu Pelanggan 2011 UMS-KAL di Labuan, kelmarin.

LABUAN 19 April - Penuntut dan kakitangan Universiti Malaysia Sabah, Kampus Antarabangsa Labuan (UMS-KAL) diminta menggunakan saluran yang betul untuk menyampaikan kritikan dan cadangan mereka.

Pengarah UMS-KAL, Prof. Madya Dr. Shariff Abdul Kadir Omang berkata, dengan menggunakan saluran yang betul, ia akan membantu mempercepatkan penyelesaian masalah yang dihadapi warga universiti dengan lebih berkesan.

"Gunakan saluran yang betul untuk mengemukakan cadangan agar pihak berkaitan boleh mengambil perhatian terhadap perkara yang disampaikan," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas merasmikan Program Hari Bertemu Pelanggan 2011 UMS-KAL di Dewan Theatre, UMS-KAL, semalam.

Dalam program itu, UMS-KAL membuka sebanyak 12 kaunter iaitu, Pejabat Bahagian Pentadbiran, Sekolah Perniagaan dan Kewangan Antarabangsa Labuan, Bahagian Pembangunan dan Penyelenggara-

an, Bahagian Kewangan, Bahagian Perpustakaan, Bahagian Kokurikulum dan Pemajuan Pelajar serta Bahagian Sukan.

Kaunter lain ialah Sekolah Sains Informatik Labuan, Pejabat Hal Ehwal Antarabangsa, Bahagian Hal Ehwal Pelajar, Bahagian Perkhidmatan Akademik, Bahagian Keselamatan dan Bahagian Hal Ehwal Islam dan Masjid.

Pada majlis itu juga, diadakan sesi dialog bersama penuntut, penyarah dan penyampaian anugerah individu yang paling banyak membaca buku di perpustakaan serta cabutan bertuah.

Shariff berkata, melalui program itu pihak universiti boleh menerangkan fungsi masing-masing sekali gus meningkatkan kefahaman warga UMS-KAL terutama penuntutnya.

"Program Hari Bertemu Pelanggan merupakan satu wadah untuk mendengar dan menyelesaikan masalah yang sedia ada dalam kita merealisasikan matlamat ke arah sebuah universiti yang disegani bukan sahaja di negara ini malah di peringkat antarabangsa," ujarnya.